

# Fatimah al-Zahra'

## Suatu Gambaran dari Riwayat Hidupnya

(6)

“Sesungguhnya anakku – Fatimah – ialah sepotong daripada diriku. Apa yang menimbulkan kebenciannya: menimbulkan juga kebencianku, dan apa yang menyakitinya: menyakiti juga akan daku.”

- Maksud hadith *sharīf*

(Dimelayukan oleh: Abdullah Basmeh)

Tetapi Saiyidina Ali nyaris-nyaris terlajak melakukan, dengan tidak sengaja, suatu perkara yang sangat-sangat dibenci oleh Siti Fatimah dan sangat-sangat menyakiti hatinya.

Bagaimanakah seorang isteri seperti Siti Fatimah al-Zahra' *radiyy Allāhu 'anhā*, tidak benci dan marah kalau suaminya (yang juga menjadi sepupunya) hendak memadukannya?

Saiyidina Ali telah bercadang hendak berkahwin seorang lagi selain daripada isterinya Siti Fatimah. Sedang dalam sangkaannya bahawa ia hanya melakukan suatu perkara yang menjadi adat biasa yang berlaku dalam kalangan kaumnya (dalam soal berkahwin dua atau lebih), dan ia juga hanya melakukan suatu perkara yang dihalalkan oleh Islam. Tidak terlintas di hatinya bahawa perbuatannya yang demikian akan menimbulkan kemarahan Siti Fatimah – puteri Rasulullah.

Tetapi perkara itu telah berlaku berlainan daripada

yang difikirkan oleh Saiyidina Ali.

Sebaik-baik ia menyebut-nyebut hendak berkahwin dengan anak perempuan 'Amru bin Hisham bin al-Mughirah al-Makhzumi (Abu Jahal), tiba-tiba terkejutlah dia apabila melihat Rasulullah masuk ke masjid dengan murkanya, lalu berucap kepada orang ramai membantah cadangan Saiyidina Ali hendak berkahwin dengan anak perempuan Abu Jahal dan memadukan Siti Fatimah.

Tatapi bagaimana, sedang Islam membenarkan beristeri lebih, dan Nabi sendiri pada masa itu telah sedia mempunyai tiga atau empat orang isterinya. Di antara mereka ialah Siti 'Aishah binti Abu Bakar al-Siddiq, dan Siti Hafsa binti 'Umar ibn al-Khattab?

Bagaimana Nabi hendak mengharamkan perkara yang telah dihalalkan Allah, dan membantah akan apa yang hendak dilakukan oleh sepupunya: Ali bin Abi Talib, sedang Baginda sendiri ada melakukannya?

Katakanlah perkahwinan yang demikian itu menyakitkan hati Siti Fatimah, tetapi tidakkah perbuatan yang menyakitkan hati ini telah juga dirasakan oleh kedua-dua anak perempuan Abu Bakar dan ‘Umar?

Adakah Baginda hendak melarang satu perkara yang biasa berlaku atas diri tiap-tiap perempuan Islam daripada berlaku atas anakandanya, sedang Baginda pernah berkata tentang seorang perempuan yang telah mencuri: “Kalaulah dia (perempuan yang mencuri itu) Fatimah binti Muhammad sekalipun, nescaya aku potong tangannya.”


Adakah agama Islam telah mengecualikan anak-anak perempuan Nabi daripada mengalami dasar isteri lebih dari satu, Padahal Nabi telah ditugaskan menyampaikan perintah-perintah Islam itu?

Sungguh sulit kedudukan Nabi di dalam perkara ini.

Baginda mengetahui akan hak menantunya ((Saiyidina Ali)) dalam soal perkahwinan, sekalipun dia memadukan Siti Fatimah.

Baginda, dengan sifatnya seorang bapa yang pengasih penyayang, dan seorang manusia, sangat tersinggung kalau anakandanya – Fatimah – dimadukan oleh suaminya. Baginda tidak sampai hati kalau anakandanya menempuh ujian yang berat seperti itu, sedang Baginda mengetahui bahawa anakandanya tidak sanggup menanggung ujian yang berat seperti itu.

Alangkah eloknya kalau Saiyidina Ali berpada dengan seorang isteri, dengan mencontohi Nabi sendiri yang telah berpada dengan seorang isteri – Siti Khadijah, sepanjang masa dua puluh lima tahun! Kalaulah Saiyidina Ali berbuat demikian, tentulah ia tidak menyusahkan lagi bapa mertuanya yang menjadi Nabi itu, dan tidak



Sebuah masjid yang indah di Bandar Washington, Amerika.

\* \* \*

menyebabkan Baginda terletak dalam kedudukan yang serba salah dan serba sulit itu.

Seolah-olah saya terpancang Baginda - *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam* – merenung kepada anakandanya, Siti Fatimah, yang sedang menunggu akan tibanya ujian yang berat dalam keadaan cemas dan menanggung susah. Siti Fatimah hampir-hampir binasa disebabkan tubuh badannya yang sedia lemah dan tidak begitu sihat dan disebabkan perasaan dukacita yang terpendam dalam hatinya. Nabi pun, sekadar yang terdaya, cuba menahan sebarang perbuatan yang boleh menyentuh perasaan anakandanya yang dikasihi, dan melindunginya daripada perasaan cemas dan takut yang menyebabkan air matanya bercucuran, tidak tenteram, dan tidak dapat tidur. Tetapi perkara itu kelihatan bertambah sulit, kerana Nabi Allah itu tidak akan berlaku khianat terhadap tugas yang dipikulnya, lalu mengharamkan perkara yang

dihalalkan oleh Allah!

Dalam masa Baginda berada dalam gelap gelita kebingungan, tiba-tiba kelihatan satu sinaran cahaya yang menerangi jalan yang akan dilalui itu. Baginda teringat bahawa menantunya Saiyidina Ali menyebut-nyebut hendak beristerikan anak perempuan ((‘Amru bin Hisham al-Makhzumi)), adakah Allah Ta‘ālā akan reda supaya rumahtangga Ali menyatukan di antara anak perempuan Rasul Allah dengan anak perempuan seterusnya?

‘Amru ialah Abu al-Hakam bin Hisham yang terkenal dengan nama ((Abu Jahal)) – musuh Islam yang telah menyakiti dan mengganggu Rasulullah dan orang-orang Islam dengan perbuatan yang kejam.

Ia telah terbunuh dalam keadaan kafir di medan perang Badar.

Oleh itu patutkah anak perempuannya menjadi madu pula kepada Siti Fatimah binti Rasulullah?

Inilah yang menyebabkan Rasulullah menolaknya.

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* pun segera pergi ke masjid dengan rupa murka lalu naik minbar dan berucap kepada orang ramai, ujaranya:

“Keluarga Bani Hisham bin al-Mughirah (yakni keluarga Abu Jahal) telah meminta izin kepada aku supaya mereka mengahwinkan anak perempuan mereka kepada Ali bin Abi Talib. Demi sesungguhnya, aku tidak benarkan, aku tidak benarkan mereka melakukannya. Kecuali kalau ibn Abi Talib (Ali) suka menceraikan anakku dan berkahwin dengan anak mereka. Sesungguhnya anakku – Fatimah – ialah sepotong daripada diriku, apa yang menimbulkan kebenciannya: menimbulkan kebencianku, dan apa yang menyakitinya: menyakiti aku juga. Aku

takut ia – dengan perbuatan ia dimadukan itu – akan rosak perasaan keagamaannya.”

Setelah itu, Baginda pun menyebut akan menantunya: Abu Al-‘As (suami Siti Zaynab) lalu dipujinya kemudian berkata:

“Ya (Abu al-‘As) telah menceritakan halnya kepada aku lalu berkata benar, dia telah berjanji dengan aku lalu ditepati janjinya. Sesungguhnya aku tidak mengharamkan sesuatu yang halal, dan tidak pula menghalalkan sesuatu yang haram. Tetapi demi Allah, anak perempuan Rasulullah dan anak perempuan seteru Allah tidak akan disatukan oleh sebuah rumahtangga selama-lamanya.”

Hadith ini tersebut di dalam kitab-kitab Sahīh Bukhārī dan Muslim. Tidak ada seorang pun yang meriwayatkan tentang kesannya kepada orang-orang Islam dan agamanya di Madinah (pada masa itu).

Sukarkah kalau kita gambarkan dalam fikiran kita, bahawa penduduk Madinah pada malam itu tidak dapat tidur, kerana menerima baik akan apa yang dikatakan oleh Nabi, dan memandang perkara itu suatu contoh yang indah yang menunjukkan sifat-sifatnya sebagai seorang bapa yang berhati belas kasihan, menjadi sebutan perbandingan. Bahkan juga perkara itu menjadi dalil yang baharu dari dalil-dalil kasihnya terhadap anak-anak perempuannya, rasa kasih yang telah dikehendaki Allah supaya memenuhi hati Nabi yang pilihan, dalam maSharakat yang tidak gemarkan anak-anak perempuan.

Atau adakah khayal kita tidak dapat mengikuti

((Ali)) ketika ia kembali dari masjid sesudah ia mendengar ucapan Rasulullah – bapa mertuanya, lalu ia menuju ke rumahnya dengan berjalan lemah, hatinya susah, dan fikirannya melayang-layang mengenangkan apa yang telah berlaku itu?

Bagaimana ia tergamak menya-nyikan jihadnya yang berlanjutan lagi gagah itu dalam membela dan menegakkan agama Islam? Bahkan bagaimana ia tergamak hendak mengganggu ketenteraman hati isteri yang dikasihi, dan hendak merosakkan hatinya dengan perkahwinan yang seperti itu, yaitu suatu perkara yang tak dapat ditakwilkan (diberi pengertian lain) selain daripada suka kepada kelazatan kebendaan yang tidak didapati padanya?

Perkahwinan Rasulullah dengan tiap-tiap seorang isterinya, sebenarnya ada sebab-sebabnya yang tertentu, dan keadaan-keadaan yang memaksa. Jika tidak, mengapa Baginda telah berpada dengan isterinya Siti Khadijah selama dua puluh lima tahun, Baginda tidak memadukannya sehingga ia (Siti Khadijah) wafat. Sedang Baginda pada masa itu telah berusia lima puluh tahun.

Oleh itu biarlah anak perempuan Abu Jahal itu berkahwin dengan orang lain. Adapun Saiyidina Ali, maka bukanlah dia orangnya yang akan merosakkan jihadnya yang gagah itu dengan berbapa mertuakan Abu Jahal sebagai ganti bapa mertuanya: Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, dan bukanlah dia orangnya yang akan menyakiti hati Nabinya, yang juga menjadi bapa angkat dan sepupunya, dalam perkara sekasih-kasih anak perempuan kepada Baginda. Tidak juga Abu

al-‘As (birasnya), sebelum Islamnya, akan menjadi orang yang lebih baik daripadanya dalam melayan anak perempuan Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib, dan lebih hormat dalam persemendaannya dengan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam!*

\* \* \*

Akhirnya sampailah Saiyidina Ali ke rumahnya, lalu didapatinya Siti Fatimah al-Zahra’ tinggal keseorangan dengan berduka cita dan bersusah hati. Iapun datang menghampirinya

## Bacalah!

### Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita yang indah dan menarik, buah kalam Jurji Zaydan, pengarang Mesir yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang masyhur – Tariq bin Ziyad, menggempur tentera Sepanyol dan menghancurkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa delapan kurun.

2 penggal tamat. Sepenggal \$1.20

(Naskhah Rumi: sebuah \$3.00)

**Pesanlah kepada penerbitnya:**

**Qalam, Singapura.**

